

07/02/2005

Seri Paduka sertai pertandingan golf Hari Kastam

SHAH ALAM: Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, semalam memeriahkan pertandingan golf persahabatan sempena Hari Kastam Sedunia Ke-23 2005.

Pertandingan antara pasukan pilihan Yang di-Pertuan Agong dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Jabatan Kastam) itu dimenangi pasukan Yang di-Pertuan Agong dengan kelebihan lima mata iaitu 514 mata.

Pada pertandingan di Glenmarie Golf & Country Club Glenmarie itu, Yang di-Pertuan Agong yang berpasangan dengan ketua pasukannya, Tan Sri Nik Ibrahim Kamil Nik Ahmad Kamil turut berjaya mendapat tempat ketiga.

Ketua Pengarah Jabatan Kastam, Tan Sri Halil Abdul Mutalib, dalam ucapannya mengucapkan terima kasih kepada Yang di-Pertuan Agong dan Perdana Menteri kerana sudi menyertai kejohanan anjuran jabatannya.

"Malah, ini adalah pertama kali kami dapat bermain golf dengan Perdana Menteri kerana Perdana menteri dulu, Tun Dr Mahathir Mohamad tidak bermain golf," katanya.

(END) Source : Berita Harian